  - iv. Bebas daripada Penyakit-Penyakit Pra-wujud sebelum Tarikh Efektif Insurans. Dalam hal ini, apa-apa Penyakit yang timbul daripada Penyakit Pra-wujud tersebut yang mengakibatkan Hilang Upaya Total Sementara atau/dan Hilang Upaya Total Kekal secara langsung atau tidak langsung adalah tidak diambil kira.
- d. Tempoh Menunggu tiga puluh (30) hari dari permulaan polisi adalah diguna pakai bagi manfaat-manfaat berikut:
  - i. **Hilang Upaya Total Sementara** atau **Hilang Upaya Total Kekal** kerana Penyakit; dan
  - ii. **Pengangguran Terpaksa**
- e. Pengecualian-pengecualian, syarat-syarat, terma-terma dan kadar premium Polisi adalah tertakluk kepada perubahan oleh Syarikat dari masa ke semasa apabila timbul keperluan disebabkan oleh nisbah tuntutan lapuk. Syarikat akan memberi tiga puluh (30) notis bertulis melalui surat berdaftar kepada Pihak Diinsuranskan ke alamat terakhir yang diketahui sebelum perubahan itu berkuatkuasa.

## PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM

1. **Kawasan Geografi**  
Semua manfaat di dalam Polisi ini boleh digunakan di seluruh dunia bagi dua puluh empat (24) jam sehari.
2. **Penaik tarafan/Kecurian/Fraud Kad Kredit RHB Bank Berhad atau RHB Islamic Bank Berhad**  
Sekiranya Kad Kredit RHB Bank Berhad atau RHB Islamic Bank Berhad Yang Layak dibatalkan atau diganti disebabkan oleh penaik tarafan kad, kecurian atau fraud atau lain-lain keadaan yang tidak diduga, Pihak Diinsuranskan adalah diminta untuk menyerahkan borang permohonan yang baru bagi Polisi ini dan Polisi ini hanya akan berkuatkuasa apabila diluluskan.
3. a) **Pemegang Kad Bersama atau Tambahan**  
Jika terdapat lebih daripada seorang yang mengendalikan akaun Kad Kredit RHB Yang Layak, hanya pemegang Prinsipal kad kredit RHB Bank Berhad atau RHB Islamic Bank Berhad akan dilindungi berkenaan dengan Kejadian-kejadian Diinsuranskan dan layak terhadap manfaat-manfaat daripadanya.  
b) **Kad-kad Pendua atau Alternatif**  
Apa-apa kad kredit pendua atau alternatif yang dikeluarkan oleh RHB Bank Berhad atau RHB Islamic Bank Berhad kepada Pihak Diinsuranskan yang sama, tidak layak sebagai Kad Kredit RHB Bank Berhad atau RHB Islamic Bank Berhad Yang Layak bagi tujuan Polisi ini dan Syarikat tidak berkewajipan membayar manfaat-manfaat di dalam ini berkenaan dengan akibat yang sama daripada sesuatu Kejadian Diinsuranskan.

## DEFINISI-DEFINISI

1. **“Syarikat”** atau **“Kami”** bermaksud RHB Insurance Berhad (Company Business Registration Number 197801000983 (38000-U) is licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.
2. **“Tarikh Efektif Insurans”** bermaksud tarikh dimana Polisi insurans ini mula berkuatkuasa, seperti yang dinyatakan dalam Sijil Insurans.
3. **“Jadual Polisi Sijil Insurans”** bermaksud jadual yang menyatakan nama Pihak Diinsuranskan, alamat, nombor kad pengenalan, nombor akaun Kad Kredit RHB Yang Layak, pekerjaan, Tarikh Efektif Insurans dan bayaran maksimum manfaat, yang dilampirkan dan membentuk sebahagian daripada Polisi ini.
4. **“Pihak Diinsuranskan”** atau **“Anda”** bermaksud pemegang Prinsipal kad Kredit RHB Bank Berhad atau RHB Islamic Bank Berhad yang dinamakan sebagai pihak diinsuranskan di dalam Jadual Polisi/ Sijil Insurans atau sebarang pembaharuan, perubahan atau pengendorsan.
5. **“Kad Kredit RHB Bank Berhad atau RHB Islamic Bank Berhad Yang Layak”** bermaksud kad/kad-kad kredit yang dikeluarkan kepada pemegang Prinsipal kad kredit RHB Bank Berhad atau RHB Islamic Bank Berhad oleh RHB Bank Berhad atau RHB Islamic Bank Berhad dan mengandungi nombor akaun seperti dinyatakan di dalam borang pendaftaran yang lengkap diisi dengan betul dan penuh percaya mutlak oleh pemegang kad kredit RHB Bank Berhad atau RHB Islamic Bank Berhad Prinsipal dan borang permohonan itu telah diluluskan dan diterima oleh kami.
6. **“Kemalangan”** bermaksud kecederaan kemalangan yang berlaku ketika Polisi ini sedang berkuatkuasa, yang diakibatkan semata-mata, secara langsung dan bebas daripada sebab-sebab lain oleh kemalangan yang disebabkan oleh sebarang cara luaran, ganas dan boleh nampak.
7. **“Kematian Disebabkan Kemalangan”** bermaksud kematian yang disebabkan oleh Kemalangan.
8. **“Kesakitan”** bermaksud keadaan fizikal yang diakui oleh ahli patologi menyimpang daripada keadaan kesihatan normal.

9. **“Penyakit Pra-wujud”** bermaksud penyakit/ketidakupayaan yang Pihak Diinsuranskan patut sewajarnya mengetahui tentang keadaan itu. Pihak Diinsuranskan dianggap sewajarnya mengetahui tentang keadaan pra-wujud dimana keadaannya adalah seperti berikut:-
  - a) Pihak Diinsuranskan telah mendapatkan rawatan atau sedang menjalani rawatan;
  - b) nasihat perubatan, diagnosis, penjagaan atau rawatan telah disarankan;
  - c) tanda-tanda yang nyata telah kelihatan; atau
  - d) kewujudannya adalah jelas kepada orang yang mengalami keadaan itu.
10. **“Keadaan Semasa Lahir”** bermaksud sebarang keadaan tidak normal perubatan atau fizikal wujud sejak lahir, juga perkembangan tidak normal yang wujud dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh lahir. Ia termasuk semua jenis hernia dan epilepsy kecuali bila disebabkan oleh trauma yang berlaku selepas tarikh Pihak Diinsuranskan dilindungi secara berterusan dibawah Polisi ini.
11. **“Kejadian Diinsuranskan”** bermaksud Kematian Disebabkan Kemalangan, Hilang Upaya Total Sementara disebabkan oleh Kemalangan atau Kesakitan, Hilang Upaya Total Kekal disebabkan oleh Kemalangan atau Kesakitan dan Pengangguran Terpaksa.
12. **“Manfaat Bulanan”** bermaksud 15% daripada Baki Belum Jelas daripada Kad Kredit RHB Bank atau RHB Islamic Bank Berhad Yang Layak Pihak Diinsuranskan sebulan bagi sehingga enam (6) bulan, tertakluk kepada jumlah manfaat maksimum RM100,000 seperti dinyatakan secara spesifik di dalam Jadual Polisi/Sijil Insurans.
13. **“Pengangguran Terpaksa”** bermaksud penamatan kontrak pekerjaan anda di dalam situasi kelewahan yang terbit dari penstrukturan semula, penggabungan, pengambil alihan, pengurangan di dalam pengeluaran, perubahan teknologi, penutupan perniagaan, kemerosotan ekonomi atau apa-apa sebab lain tetapi tidak termasuk pengangguran sukarela, kelewahan sukarela, pemberhentian sukarela, salah laku sengaja dan persaraan.
14. **“Baki Belum Jelas”** bermaksud jumlah keseluruhan yang belum dijelaskan ke atas akaun/akaun-akaun Kad Kredit RHB Bank Berhad atau RHB Islamic Bank Berhad Yang Layak oleh Pihak Diinsuranskan termasuk caj-caj dan faedah perlu dibayar pada tarikh berlakunya sesuatu Kejadian Diinsuranskan. Bagi tujuan pengiraan Baki Belum Jelas, akaun akan mengambil kira apa-apa perbelanjaan dan caj-caj yang dibuat oleh Pihak Diinsuranskan tetapi yang belum dibilkan kepada akaun/akaun-akaun Kad Kredit RHB Bank Berhad atau RHB Islamic Bank Berhad Yang Layak Pihak Diinsuranskan. Apa-apa perbelanjaan atau caj-caj yang dibuat selepas berlakunya Kejadian Diinsuranskan adalah tidak diambil kira. Bagi pengiraan Baki Belum Jelas, apa-apa pembayaran yang telah dibuat oleh Pihak Diinsuranskan kepada RHB Bank Berhad atau RHB Islamic Bank Berhad akan dipotong sewajarnya.

Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa faedah yang tidak dibilkan ke atas Kad Kredit RHB Bank Berhad atau RHB Islamic Bank Berhad Yang Layak pada tarikh berlakunya Kejadian Diinsuranskan tetapi terakru sebelum dan sehingga tarikh tersebut akan dimasukkan tetapi faedah yang terakru selepas tarikh tersebut tidak diambil kira dalam mengira Baki Belum Jelas.
15. **“Hilang Upaya Total Sementara”** bermaksud hilang upaya total sementara yang disebabkan oleh Kesakitan atau Kemalangan yang secara sementara menghalang Pihak Diinsuranskan daripada terlibat dalam atau menghadiri perniagaan atau pekerjaan yang biasanya untuk ganjaran kewangan ketika terbatas sepenuhnya di Hospital atau di rumah. Keperluan bagi keterbatasan itu mestilah disahkan dan diperakui oleh Pengamal Perubatan.
16. **“Hilang Upaya Total Kekal”** bermaksud hilang upaya total dan kekal disebabkan oleh Kesakitan atau Kemalangan yang mengakibatkan satu keadaan dimana tiada apa-apa pun pada bila-bila masa kerja atau pekerjaan yang Pihak Diinsuranskan boleh lakukan atau ikuti secukupnya bagi memperoleh atau mendapatkan upah, pampasan atau keuntungan secara kekal.
17. **“Pekerjaan Tetap dan Berpenghasilan”** bermaksud anda bekerja secara tetap dan berterusan untuk upah atau pendapatan dan anda bukan di dalam pekerjaan yang bermusim, kasual, sementara atau kontrak yang keadaan semulajadinya tidak boleh disambung.

18. **“Tempoh Menunggu”** bermaksud tiga puluh (30) hari pertama di antara bermulanya ketidakupayaan Pihak Diinsuranskan dan tarikh Polisi ini berkuatkuasa/tarikh penguatkuasaan semula dan digunakan hanya apabila seseorang itu mula dilindungi. Walau bagaimanapun, jika terdapat penangguhan dalam Insurans, tempoh menunggu akan digunakan semula.
19. **“Hospital”** bermaksud sebuah tempat yang ditubuhkan dan didaftarkan sebagai sebuah hospital untuk penjagaan dan rawatan orang-orang sakit dan cedera, dan dimana ia:-
- mempunyai peralatan untuk memeriksa, merawat dan melakukan pembedahan besar;
  - menyediakan dua puluh empat (24) jam sehari khidmat kejururawatan oleh jururawat-jururawat berdaftar yang berkelayakan;
  - berada di bawah penjagaan pakar perubatan; dan
  - bukan sebuah klinik, tempat penjagaan penagih arak atau dadah, tempat penjagaan atau rehat atau rumah pemulihan atau rumah orang tua dan yang sepertinya.
20. **“Pengamal Perubatan atau Penasihat Perubatan atau Penasihat Pakar Perubatan”** bermaksud pengamal perubatan yang berkelayakan dan dilesenkan untuk mempraktikkan perubatan barat dan seseorang, di dalam memberikan rawatan tersebut, melakukannya di dalam skop di mana dia dilesenkan dan mempunyai latihan di kawasan geografi di mana dia mempraktikkannya, tetapi tidak termasuk seorang pengamal perubatan, penasihat perubatan atau penasihat pakar perubatan yang juga merupakan Pihak Diinsuranskan.

#### KETERANGAN MANFAAT

1. **Manfaat Kematian Disebabkan Kemalangan**  
 Bila mana Pihak Diinsuranskan mengalami kecederaan badan daripada Kemalangan dalam tempoh insurans dan mengakibatkan Kematian Disebabkan Kemalangan dalam masa dua belas (12) bulan Syarikat akan membayar keseluruhan Baki Belum Jelas Kad Kredit RHB Bank Berhad atau RHB Islamic Bank Berhad Yang Layak Pihak Diinsuranskan, tertakluk kepada jumlah manfaat maksimum RM100,000 seperti dinyatakan secara spesifik di dalam Jadual Polisi/ Sijil Insurans.
2. **Manfaat Hilang Upaya Total Sementara**  
 Bila mana Kesakitan yang berlarutan lebih daripada tiga puluh (30) hari berturut-turut apabila didiagnosis menyebabkan Pihak Diinsuranskan mengalami Hilang Upaya Total Sementara, Syarikat akan tertakluk kepada Tempoh Menunggu tiga puluh (30) hari, membayar Manfaat Bulanan walau bagaimanapun DENGAN SYARAT bahawa bayaran manfaat akan terhenti pada tarikh apabila Pihak Diinsuranskan tidak lagi mengalami Hilang Upaya Total Sementara.
- Bila mana Kemalangan mengakibatkan Pihak Diinsuranskan mengalami Hilang Upaya Total Sementara, Syarikat akan membayar Manfaat Bulanan walau bagaimanapun DENGAN SYARAT bahawa bayaran manfaat akan terhenti pada tarikh apabila Pihak Diinsuranskan tidak lagi mengalami Hilang Upaya Total Sementara.
- Jika Pihak Diinsuranskan mengalami Hilang Upaya Total Sementara bagi tempoh kurang daripada satu (1) bulan (selepas tiga puluh (30) hari Tempoh Menunggu, sekiranya terpakai), Syarikat hanya akan membayar 1/30 daripada Manfaat Bulanan bagi setiap hari yang terpakai Pihak Diinsuranskan mengalami Hilang Upaya Total Sementara.
3. **Manfaat Hilang Upaya Total Kekal**  
 Bila mana Kesakitan mengakibatkan Pihak Diinsuranskan mengalami Hilang Upaya Total Kekal, Syarikat akan tertakluk kepada 30 hari Tempoh Menunggu, membayar keseluruhan Baki Belum Jelas Kad Kredit RHB Bank Berhad atau RHB Islamic Bank Berhad Yang Layak Pihak Diinsuranskan, tertakluk kepada jumlah manfaat maksimum RM100,000 seperti dinyatakan secara spesifik di dalam Jadual Polisi/ Sijil Insurans.

Atau



Jika Syarikat dengan budi bicaranya memutuskan bahawa Pihak Diinsuranskan selepas mengalami Hilang Upaya Total Sementara disebabkan oleh Kesakitan bagi tempoh kurang daripada enam (6) bulan telah menjadi Hilang Upaya Total Kekal, Syarikat akan membayar keseluruhan Baki Belum

Jelas Kad Kredit RHB Bank Berhad atau RHB Islamic Bank Berhad Yang Layak Pihak Diinsuranskan, tertakluk kepada jumlah manfaat maksimum RM100,000 seperti dinyatakan secara spesifik di dalam Jadual Polisi/ Sijil Insurans.

Bila mana Kemalangan mengakibatkan Pihak Diinsuranskan mengalami Hilang Upaya Total Kekal, Syarikat akan membayar Manfaat Bulanan tertakluk kepada jumlah manfaat maksimum RM100,000 seperti dinyatakan secara spesifik di dalam Jadual Polisi/ Sijil Insurans.

atau

Jika Syarikat dengan budi bicaranya memutuskan bahawa Pihak Diinsuranskan selepas mengalami Hilang Upaya Total Sementara disebabkan oleh Kemalangan bagi tempoh kurang daripada enam (6) bulan telah menjadi Hilang Upaya Total Kekal, Syarikat akan membayar keseluruhan Baki Belum Jelas Kad Kredit RHB Bank Berhad atau RHB Islamic Bank Berhad Yang Layak Pihak Diinsuranskan, tertakluk kepada jumlah manfaat maksimum RM100,000 seperti dinyatakan secara spesifik di dalam Jadual Polisi/ Sijil Insurans.

#### 4. **Manfaat Pengangguran Terpaksa**

Bila mana Pihak Diinsuranskan adalah di bawah Pengangguran Terpaksa, sebaik pengesahan notis pengangguran yang dikeluarkan oleh majikan Pihak Diinsuranskan dan bukti yang Pihak Diinsuranskan telah berada di dalam Pekerjaan Tetap dan Berpenghasilan untuk sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari berturut-turut sebelum itu, Syarikat akan tertakluk kepada tiga puluh (30) hari Tempoh Menunggu, membayar Manfaat Bulanan walau bagaimanapun DENGAN SYARAT bahawa pembayaran manfaat akan terhenti pada tarikh apabila Pihak Diinsuranskan mendapat semula Pekerjaan Tetap dan Berpenghasilan.

Jika Pihak Diinsuranskan berada di bawah Pengangguran Terpaksa bagi tempoh kurang daripada satu (1) bulan selepas tiga puluh (30) hari Tempoh Menunggu, Syarikat hanya akan membayar 1/30 daripada Manfaat Bulanan bagi setiap hari yang terpakai Pihak Diinsuranskan berada di bawah Pengangguran Terpaksa.

Polisi ini termasuk semua manfaat-manfaatnya akan terhenti daripada berkuatkuasa sebaik kejadian pertama daripada mana-mana yang berikut:-

- (a) pembayaran sekaligus prosid manfaat kepada RHB Bank Berhad atau RHB Islamic Bank Berhad oleh Syarikat berkenaan dengan Kematian Disebabkan Kemalangan atau Hilang Upaya Total Kekal;
- (b) pembayaran semua prosid Manfaat Bulanan kepada RHB Bank Berhad atau RHB Islamic Bank Berhad oleh Syarikat berkenaan dengan Hilang Upaya Total Sementara atau Pengangguran Terpaksa; atau
- (c) pembayaran keseluruhan prosid manfaat RM100,000 kepada RHB Bank Berhad atau RHB Islamic Bank Berhad oleh Syarikat berkenaan dengan Kematian Disebabkan Kemalangan, Hilang Upaya Total Sementara, Hilang Upaya Total Kekal dan/atau Pengangguran Terpaksa.

### **LANJUTAN KLAUSA BAGI MANFAAT KEMALANGAN PERIBADI**

Manfaat-manfaat 1,2 dan 3 di bawah Keterangan Manfaat Polisi ini adalah dilanjutkan bagi melindungi perkara-perkara di bawah, tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat Polisi ini.

#### 1. **Pengendorsan Kekecohan, Mogok dan Pertempuran Awam.**

Dengan ini adalah diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan bagi melindungi Kematian Disebabkan Kemalangan atau Hilang Upaya Total Sementara atau Hilang Upaya Total

Kekal akibat daripada kekecohan, mogok dan pertempuran awam, DENGAN SYARAT Pihak Diinsuranskan tidak terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam aktiviti tersebut.

2. **Kehilangan**

Sekiranya selepas tempoh SATU (1) TAHUN daripada tarikh laporan kehilangan dibuat dan setelah Syarikat memeriksa semua bukti yang ada mendapati tiada sebab untuk mengatakan selain daripada Kemalangan telah berlaku dan besar kemungkinan telah menyebabkan kematian Pihak Diinsuranskan, kehilangan Pihak Diinsuranskan itu dikira menimbulkan satu tuntutan di bawah Polisi ini. Walau bagaimanapun, sekiranya pada bila-bila masa selepas pembayaran telah dibuat Pihak Diinsuranskan didapati masih hidup, apa-apa jumlah yang telah dibayar oleh syarikat bagi menjelaskan tuntutan hendaklah dikembalikan kepada Syarikat.

3. **Terhidu Gas, Lemas, Keracunan Makanan dan Intoksikasi**

Polisi ini dilanjutkan bagi melindungi Kematian Disebabkan Kemalangan atau Hilang Upaya Total Sementara atau Hilang Upaya Total Kekal yang timbul akibat terhidu gas, lemas, keracunan makanan atau intoksikasi oleh alkohol atau ubat yang diberikan oleh Pengamal Perubatan bertauliah.

4. **Pendedahan kepada Elemen**

Polisi ini melindungi Kematian Disebabkan Kemalangan atau Hilang Upaya Total Kekal atau Hilang Upaya Total Sementara akibat daripada pendedahan kepada elemen-elemen yang disebabkan oleh kemalangan dengan syarat sekiranya berlaku kematian Pihak Diinsuranskan disebabkan oleh pendedahan kepada elemen-elemen, kematian itu tertakluk kepada inkues yang mana didapati Pihak Diinsuranskan meninggal dunia akibat pendedahan akibat kemalangan.

5. **Kemalangan Lemas Melalui Asap dan Bau-bauan**

Polisi ini dilanjutkan bagi melindungi Kematian Disebabkan Kemalangan atau Hilang Upaya Total Kekal atau Hilang Upaya Total Sementara akibat daripada lemas melalui asap dan bau-bauan, dengan atau tanpa tanda-tanda nyata kecederaan luaran atau kekerasan.

6. **Gigitan Serangga, Ular dan/atau Binatang**

Polisi ini dilanjutkan bagi melindungi Kematian Disebabkan Kemalangan atau Hilang Upaya Total Kekal atau Hilang Upaya Total Sementara yang timbul atau akibat daripada gigitan serangga dan/atau ular dan/atau binatang.

7. **Memburu**

Polisi ini dilanjutkan bagi melindungi Kematian Disebabkan Kemalangan atau Hilang Upaya Total Kekal atau Hilang Upaya Total Sementara ketika sedang memburu, DENGAN SYARAT kelulusan/permit/lesen daripada pihak berkuasa telah diperolehi dan Pihak Diinsuranskan adalah pemegang lesen yang sah untuk memiliki dan menggunakan senjata api bagi tujuan memburu sahaja.

8. **Bermotosikal**

Polisi ini dilanjutkan bagi melindungi Kematian Disebabkan Kemalangan atau Hilang Upaya Total Kekal atau Hilang Upaya Total Sementara akibat daripada bermotosikal sebagai penunggang atau pembonceng untuk tujuan peribadi atau perniagaan dengan syarat bahawa Syarikat tidak bertanggungjawab membuat sebarang bayaran untuk kematian atau kecederaan yang timbul atau akibat daripada Pihak Diinsuranskan terlibat di dalam perlumbaan, memandu laju, pertandingan lumba atau lain-lain jenis pertandingan. Adalah menjadi syarat sebelum liabiliti diterima bahawa Pihak Diinsuranskan memakai topi keledar yang diluluskan dan memiliki lesen menunggang yang sah semasa bermotosikal.

## PENGECUALIAN

Polisi ini tidak melindungi yang di bawah ini berkenaan dengan Manfaat 1,2,dan 3 seperti yang didefinisikan di bawah Penerangan Manfaat.

1. Semua Penyakit Pra-wujud bagi Hilang Upaya Total Sementara atau Hilang Upaya Total Kekal disebabkan oleh Kesakitan.
2. Hilang Upaya Total Sementara atau Hilang Upaya Total Kekal disebabkan oleh Kesakitan adalah tertakluk kepada tiga puluh (30) hari Tempoh Menunggu.
3. Tiga puluh (30) hari pertama sebaik Kesakitan didiagnosis untuk manfaat boleh bayar berkenaan dengan Hilang Upaya Total Sementara disebabkan oleh Kesakitan.
4. Keadaan Semasa Lahir termasuk kecacatan fizikal semasa lahir dan kecacatan fizikal atau kecacatbentukan yang timbul daripada atau akibat daripada itu.
5. Kehamilan termasuk melahirkan anak, pengguguran, keguguran, kawalan kelahiran atau ketidaksuburan dan komplikasi yang timbul daripada itu.
6. Kecederaan kepada diri sendiri, kemusnahan diri sendiri atau sebarang percubaan melakukannya sama ada semasa waras atau tidak waras.
7. Sebarang penyakit atau gangguan atau rehat pulih mental atau saraf.
8. Sedang melakukan atau sebarang percubaan untuk melakukan sebarang tindakan jenayah.
9. Pembunuhan diprovokasi atau serangan atau ketika melakukan jenayah atau cubaan untuk melakukan sebarang tindakan jenayah.
10. Timbul daripada sebarang akibat, sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada:-
  - i) Pencemaran nuklear atau kimia, peperangan, serangan, tindakan musuh asing (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, penglibatan langsung di dalam rusuhan, mogok dan kekacauan awam, kebangkitan pihak tentera atau kuasa lain, atau bertugas secara aktif di dalam mana-mana angkatan tentera;
  - ii) Terlibat di dalam tugas tentera dengan mana-mana angkatan tentera sesebuah negara atau pihak berkuasa antarabangsa.
  - iii) Radiasi ion atau kontaminasi oleh radioaktif daripada mana-mana sisa pembuangan nuklear daripada pembakaran oleh nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran adalah termasuk proses pembelahan nuklear selenggara diri dan bahan senjata nuklear.
11. Sebarang Tindakan Keganasan  
Bagi tujuan pengecualian ini, tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam atau sebahagian orang berada di dalam ketakutan.
12. Psikitik, gangguan mental atau saraf (termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatik mereka)
13. Terbang atau lain-lain aktiviti udara melainkan sebagai penumpang yang membayar tambang dalam kapal terbang berlesen sepenuhnya oleh pengangkutan udara komersil berlesen atau syarikat carter yang diiktiraf. Bagi tujuan pengecualian ini, Pihak Diinsuranskan tidak dilindungi jika beliau terlibat di dalam sebarang operasi teknikal atau navigasi semasa dalam kapal terbang.

14. Timbul daripada apa-apa jenis perlumbaan kecuali terlibat dalam memburu, hoki ais, bermain polo, lumba kuda, sukan musim sejuk, sukan professional, payung terjun, penerjunan udara, tinju, perlawanan gusti, lompatan “bungee”, pelayaran, lompatan ski air, aktiviti bawah air termasuk penggunaan alat pernafasan atau menggunakan peralatan kerja-kayu yang berkuasa mekanikal, berlumba (selain daripada berjalan kaki), penetap kelajuan atau terlibat di dalam sebarang ujian kelajuan, ujian ketahanan atau lain-lain ujian kelajuan dan “hand-gliding”.
15. Sebarang bentuk penyakit termasuk penyakit jangkitan seks, jangkitan dan parasit.
16. Adalah menjadi syarat penting dan syarat sebelum liabiliti diterima pihak Syarikat, bahawa mana-mana Pihak Diinsuranskan yang dilindungi di bawah Lanjutan ini tidak terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan pekerjaan-pekerjaan/tugas-tugas yang disebut di bawah ini:-
  - i. Tentera Udara, Polis, Pegawai Keselamatan, Tentera Laut, Pegawai penguatkuasa Undang-undang
  - ii. Penguji kapal terbang, juruterbang atau krew
  - iii. Penyelam
  - iv. Pemandu kereta lumba/Penunggang
  - v. Pelumba kereta
  - vi. Orang yang terlibat dalam sukan professional
  - vii. Orang yang terlibat dengan lombong bawah tanah dan kerja terowong
  - viii. Ahli bomba
  - ix. Pelaut dan nelayan laut
  - x. Wakil peperangan
  - xi. Pekerja pelantar minyak
  - xii. “Steeplejacker”
  - xiii. “Stevedore”
  - xiv. Orang yang terlibat di dalam meruntuhkan bangunan
  - xv. Orang yang terlibat di dalam perkhidmatan ambulans
  - xvi. Pembalak, pekerja-pekerja balak, pemandu/pengiring lori balak dan mesin win
  - xvii. Orang yang mengendalikan mesin kerja kayu
  - xviii. Pengendali bahan letupan
  - xix. Pembinaan empangan, jambatan atau kerja-kerja bawah tanah, pembersih tingkap atau pekerja pembinaan pada ketinggian melebihi 30 kaki dari tanah
  - xx. Pekerja yang mengendalikan dandang atau kebuk tekanan
  - xxi. Penghibur sarkas dan pelagak ngeri
  - xxii. Pengendali letupan dan bahan bertoksik lain, kerja yang melibatkan penggunaan semua perkakas, alatan atau peranti mekanikal
  - xxiii. Sebarang perkhidmatan e-hailing/perkhidmatan penghantaran makanan sambilan

Walau bagaimanapun, manfaat-manfaat di bawah insurans ini akan dibayar hanya berkenaan dengan Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Total Kekal atau Hilang Upaya Total Sementara yang timbul daripada kecederaan badan ketika melakukan aktiviti-aktiviti persendirian dan sosial yang biasa yang di luar bidang pekerjaan Pihak Diinsuranskan seperti dinyatakan di atas. Pihak Syarikat berhak untuk tidak memberi perlindungan kepada mana-mana Pihak Yang Diinsuranskan walaupun Pihak Yang Diinsuranskan tidak terlibat dengan mana-mana pekerjaan tersebut.

#### **PENGECUALIAN (MANFAAT PENGANGGURAN TERPAKSA)**

**Polisi ini tidak melindungi yang berikut berkenaan dengan Manfaat 4 seperti yang diterangkan di bawah Keterangan Manfaat.**

1. Timbul daripada sebarang akibat, sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada:-
  - i) Pencemaran nuklear atau kimia, peperangan, serangan, tindakan musuh asing (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, penglibatan

langsung di dalam rusuhan, mogok dan kekacauan awam, kebangkitan pihak tentera atau kuasa lain, atau bertugas secara aktif di dalam mana-mana angkatan tentera;

- ii) Terlibat di dalam tugas tentera dengan mana-mana angkatan tentera sesebuah negara atau pihak berkuasa antarabangsa.
  - iii) Radiasi ion atau kontaminasi oleh radioaktif daripada mana-mana sisa pembuangan nuklear daripada pembakaran oleh nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran adalah termasuk proses pembelahan nuklear selenggara diri dan bahan senjata nuklear.
2. Sebarang Tindakan Keganasan  
Bagi tujuan pengecualian ini, tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam atau sebahagian orang berada di dalam ketakutan.
  3. Tertakluk kepada tiga puluh (30) hari Tempoh Menunggu.
  4. Penamatan disebabkan oleh pengangguran sukarela, kelewahan sukarela, skim pemberhentian sukarela, salah laku sengaja atau persaraan, atau di bawah notis pemecatan pada masa memohon untuk insurans ini.
  5. Terlibat di dalam pekerjaan tidak tetap atau tidak berterusan untuk upah atau pendapatan, atau pekerjaan yang semula jadinya adalah bermusim, casual atau sementara atau kontrak tidak boleh diperbaharui sebelum pendaftaran Polisi ini.
  6. Kegagalan untuk menyediakan bukti bagi Pekerjaan Tetap dan Berpenghasilan sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari berturut-turut sebelum dari tarikh Pengangguran Terpaksa.
  7. Bekerja sendiri.

## **SYARAT-SYARAT AM**

1. **Tarikh Efektif**  
Polisi ini akan menjadi efektif dan bermula pada 12.01 A.M waktu Malaysia pada tarikh yang dinyatakan sebagai Tarikh Efektif Insurans dalam Jadual Polisi ini.
2. **Pembatalan**
  - a. **Tempoh Bertenang**
    - i) Jika Polisi ini telah dikeluarkan dan untuk apa sebab Pihak Diinsuranskan membuat keputusan untuk tidak mengambil Polisi ini, Pihak Diinsuranskan boleh memulangkan Polisi ini kepada Syarikat untuk pembatalan dengan syarat permohonan pembatalan itu dibuat oleh Pihak Diinsuranskan dalam tempoh lima belas (15) hari daripada tarikh penghantaran polisi.
    - ii) Dalam keadaan tersebut, Syarikat masih bertanggungjawab bagi sebarang manfaat boleh bayar di bawah Polisi ini sebagai akibat daripada berlakunya Kejadian Yang Diinsuranskan sebelum pemulangan tersebut.
  - b. **Pembatalan Oleh Pihak Diinsuranskan**  
Pihak Diinsuranskan mesti memberikan empat belas (14) hari notis bertulis kepada Syarikat untuk membatalkan perlindungan polisi ini. Pembatalan itu berkuatkuasa pada tarikh notis diterima oleh Syarikat, atau tarikh yang dinyatakan dalam notis, yang mana dahulu. Tiada premium yang akan dipulangkan sewaktu pembatalan perlindungan.
  - c. **Penamatan oleh Syarikat.**

Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Polisi ini, Syarikat boleh melalui notis bertulis kepada Pihak Diinsuranskan yang dihantar melalui surat berdaftar ke Pihak Diinsuranskan di alamatnya yang terakhir diketahui, menamatkan perlindungan Polisi ini dan penamatan itu akan berkuatkuasa empat belas (14) hari selepas tarikh notis itu.

**d. Pembatalan Automatik**

Polisi ini akan terbatal serta-merta dengan kejadian seperti yang dinyatakan di bawah:

- i. Penamatan akaun Kad Kredit RHB Bank Berhad atau RHB Islamic Bank Berhad Yang Layak Pihak Diinsuranskan di mana premium boleh bayar untuk Polisi ini dikenakan.
- ii. Serta-merta apabila Pihak Diinsuranskan berumur 65 tahun, pada tarikh lahirnya.

**e. Waktu Efektif Pembatalan**

Polisi ini dan semua insurans di bawahnya akan terbatal pada 12.01 waktu Malaysia pada tarikh yang dinyatakan di atas.

**f. Kedudukan Premium ketika Pembatalan**

Sekiranya premium telah dibayar untuk sebarang tempoh yang menjangkau tarikh Polisi ini dibatalkan, bahagian premium bagi tempoh insurans yang belum luput waktu itu akan dipulangkan kepada Pihak Diinsuranskan oleh Syarikat. Jika premium tidak dibayar untuk sebarang tempoh sehingga tarikh pembatalan, Pihak Diinsuranskan akan bertanggungjawab kepada Syarikat untuk bayaran premium tersebut, di mana Syarikat boleh, pada pendapatnya, membilkan Pihak Diinsuranskan melalui RHB Bank Berhad atau RHB Islamic Bank Berhad.

**g. Kedudukan Tuntutan ketika Pembatalan**

Penamatan itu mestilah tanpa prasangka terhadap sebarang tuntutan yang dilaporkan bersama Syarikat sebelum tarikh berkuatkuasa penamatan itu.

**3. Premium**

**a. Mod Pembayaran**

Premium adalah boleh bayar secara bulanan daripada Tarikh Efektif Insurans dan Syarikat akan mengecaj premium itu ke akaun Kad Kredit RHB Bank Berhad atau RHB Islamic Bank Berhad Yang Layak Pihak Diinsuranskan.

**b. Jumlah Pembayaran**

Premium bulanan adalah dikira pada baki penutup bagi semua pembelian yang dibuat sebelum tarikh penyata Kad Kredit RHB Bank Berhad atau RHB Islamic Bank Berhad Yang Layak Pihak Diinsuranskan.

**c. Tempoh Tangguh**

Tempoh tangguh selama tiga puluh (30) hari daripada tarikh matang premium adalah dibenarkan bagi pembayaran premium yang kena dibayar, yang mana Polisi ini akan terus berkuat kuasa di sepanjang tempoh itu. Jika sebarang premium masih belum dibayar di akhir tempoh tangguh itu, Polisi ini akan terhenti tanpa sebarang notis daripada Syarikat.

**d. Keingkar**

Selepas premium bulan pertama, kegagalan membayar premium bulanan seterusnya pada atau sebelum tarikh matang kepada Syarikat akan menyebabkan keingkar dalam pembayaran premium.

**e. Penguatkuasaan Semula**

Sekiranya terdapat premium yang tertunggak menjangkau Tempoh Tangguh, ia boleh dikuatkuasakan semula atas budi bicara Syarikat tertakluk kepada:-

- i) permohonan bertulis oleh Pihak Diinsuranskan bagi penguatkuasaan semula itu
- ii) bukti boleh insurans yang memuaskan Syarikat; dan
- iii) bayaran jumlah premium tertunggak

**4. Prosedur Tuntutan**

- a. Apabila berlakunya sebarang kejadian yang mungkin menimbulkan sesuatu tuntutan di bawah Polisi ini, notis bertulis hendaklah diberi kepada Jabatan Tuntutan, Tingkat 12, West Wing, The ICON, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak, 55000 Kuala Lumpur dengan kadar segera, untuk sebarang kejadian, dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh kejadian. Syarikat akan memberi kepada Pihak Diinsuranskan borang untuk memfailkan bukti tuntutan.
- b. Dokumen-dokumen atau bukti-bukti berikut perlu disediakan oleh Pihak Diinsuranskan atas tanggungan sendiri:-
  - i. **Tuntutan Kematian Disebabkan Kemalangan**  
Bukti kematian, umur dan identiti. Syarikat adalah, di dalam keadaan kematian Pihak Diinsuranskan berhak meminta pemeriksaan post-mortem dibuat atas tanggungannya sendiri selagi ia dibenarkan oleh undang-undang.

- ii. **Tuntutan Hilang Upaya Total Kekal atau Hilang Upaya Total Sementara**  
Laporan perubatan atau/dan bukti-bukti lain daripada Pengamal Perubatan.

- iii. **Tuntutan Pengangguran Terpaksa**  
Notis pemecatan atau surat pemberhentian daripada majikan semasa;

Penyata bank/buku bank/penyata gaji yang menunjukkan bukti tiga (3) bulan gaji berterusan sebelum daripada pemberhentian pekerjaan;

Dan apa-apa lain-lain keterangan mengikut keadaan seperti yang dicadangkan oleh Syarikat.

- c. Kegagalan memberitahu Syarikat dalam tempoh ditetapkan tidak akan menidakkan tuntutan jika boleh ditunjukkan, yang memuaskan Syarikat bahawa sewajarnya tidak mungkin memberi bukti tuntutan dalam tempoh yang ditetapkan untuk membuat tuntutan kukuh.
- d. Pemulihan Tuntutan  
Di dalam keadaan di mana Syarikat telah membayar manfaat yang tidak layak diterima oleh Pihak Diinsuranskan, Syarikat berhak untuk mendapatkan kembali manfaat-manfaat itu daripada Pihak Diinsuranskan.

#### 5. **Pelepasan Liabiliti**

Manfaat boleh bayar di bawah Polisi ini hendaklah dibuat kepada RHB Bank Berhad atau RHB Islamic Bank Berhad. Sebarang bayaran yang diterima oleh RHB Bank Berhad atau RHB Islamic Bank Berhad berkenaan tuntutan yang dibuat dianggap muktamad, baik dan terlepas sepenuhnya daripada sebarang liabiliti oleh Syarikat kepada tuntutan itu.

#### 6. **Interpretasi**

Polisi ini, termasuk borang pendaftaran, Jadual Polisi/ Sijil Insurans, pengendorsan, dan perubahan jika ada, hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan apa-apa perkataan atau kenyataan yang makna khususnya telah dilampirkan akan, kecuali konteks memerlukan sebaliknya, memberi makna khusus di mana jua ia tertera.

#### 7. **Perubahan, Keseluruhan Kontrak**

Polisi ini, termasuk Jadual Polisi, pengendorsan, dan perubahan-perubahan, sekiranya ada, akan melibatkan keseluruhan kontrak di antara pihak-pihak yang terlibat. Tiada perubahan dalam Polisi ini dikira sah melainkan setelah diluluskan oleh Syarikat dan dibuktikan oleh pengendorsan atau perubahan.

#### 8. **Bidang kuasa**

Syarikat hendaklah, di dalam semua prosiding kehakiman ketika disaman berkenaan perkara-perkara yang timbul daripada insurans ini, memaklumkan bidang kuasa Mahkamah di Malaysia.

9. **Tindakan Undang-undang**

Tiada tindakan undang-undang atau ekuiti boleh diambil untuk mendapatkan semula Polisi sebelum tamat tempoh Sembilan puluh (90) hari setelah bukti tuntutan telah diserahkan mengikut keperluan Polisi ini.

10. **Perubahan Alamat, Pekerjaan, Tugas dan lain-lain.**

Pihak Diinsuranskan hendaklah memberi notis kepada Syarikat dengan segera tentang perubahan alamat, pekerjaan, usaha atau sebarang kecederaan, penyakit, kecacatan fizikal atau kelemahan yang menjejaskan Pihak Diinsuranskan.

11. **Polisi adalah Terbatal**

**Polisi ini akan terbatal:-**

- i. jika cadangan dan deklarasasi yang dibuat oleh Pihak Diinsuranskan atau mana-mana kenyataan bertulis yang diberi oleh Pihak Diinsuranskan adalah tidak benar dari apa-apa segi atau mana-mana fakta material yang menjejaskan risiko telah disalah nyatakan atau diputarbelitkan atau tertinggal daripada dokumen-dokumen di atas; dan/atau
- ii. jika Pihak Diinsuranskan membuat tuntutan fraud atau dilebih-lebihkan atau Pihak Diinsuranskan membuat pengisytiharan atau kenyataan palsu bagi menyokong mana-mana tuntutan.

12. **Pembaharuan**

Tertakluk kepada terma dan syarat Polisi ini, pembayaran premium apabila cukup tempoh, secara automatik akan memperbaharui Polisi ini. Tiada dokumen pembaharuan akan dikeluarkan dan Polisi sedia ada adalah bukti perlindungan yang sah.

13. **Syarat Pembatalan Portfolio**

Syarikat berhak untuk membatalkan portfolio secara keseluruhan jika ia membuat keputusan untuk tidak menyambung produk insurans ini. Pembatalan portfolio keseluruhan akan diberi notis bertulis kepada pemegang polisi dan Syarikat akan meneruskan perlindungan untuk semua polisi sehingga tarikh lupus untuk tempoh perlindungan dalam portfolio.

**Bagaimana untuk membuat aduan**

Jika anda tidak berpuas hati dengan mana-mana aspek perkhidmatan kami, kami ingin mendengar dari anda.

Anda boleh membuat aduan dalam apa bentuk sekalipun yang paling sesuai dengan anda sama ada melalui panggilan telefon kepada telefonis kami atau, secara bertulis, faks atau e-mel aduan anda kepada:

**Unit Pengendalian Aduan**

RHB Insurance Berhad  
Level 12B, West Wing, The Icon  
No 1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak,  
55000 Kuala Lumpur  
Tel: 1300-220-007  
Fax: 03-2163 7277  
E-mel [complaints\\_unit@rhbinsurance.com.my](mailto:complaints_unit@rhbinsurance.com.my)

Kami akan memberi respon kepada aduan anda dalam masa empat belas (14) hari. Jika kami tidak dapat menyelesaikan perkara tersebut dalam masa tersebut jika perkara tersebut adalah rumit, anda akan diberitahu tentang perkembangan yang telah dibuat tentang aduan anda tersebut.

Anda boleh membantu kami untuk memberi respon secepat mungkin dengan memberi kami maklumat-maklumat berikut:

1. Nama anda, alamat dan nombor untuk dihubungi
  2. No. "Covernote"/No. Polisi/No. Aduan
- Sekiranya setelah mengambil langkah-langkah di atas dan anda masih tidak berpuas hati, anda boleh menulis kepada:



**Financial Mediation Bureau (FMB)**

Tingkat 25, Dataran Kewangan Darul Takaful  
4, Jalan Sultan Sulaiman  
50000 Kuala Lumpur  
Tel : 03-2272 2811  
website : [www.fmb.org.my](http://www.fmb.org.my)

Jika Pengantara membuat keputusan yang tidak menyebelahi Syarikat, anda diminta untuk memberitahu Pengantara mengenai keputusan anda untuk menerima atau menolak keputusan tersebut dalam tempoh empat belas (14) hari.

Jika anda tidak menerima keputusan tersebut, anda boleh menolak keputusan Pengantara. Anda bebas untuk memulakan tindakan undang-undang ke atas Syarikat atau merujuk kepada Timbangtara.

Ataupun, anda boleh memanjangkan ketidakpuasan hati anda terhadap tindakan Syarikat secara bertulis kepada Bank Negara

Malaysia dengan memberi secara terperinci maklumat aduan anda dan informasi polisi anda kepada:

**Customer Service Bureau (CSB)**

Jabatan Pengawalan Insurans  
Bank Negara Malaysia  
Peti Surat 10922  
Jalan Dato Onn  
50480 Kuala Lumpur